



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN KES PERANAN DAN GERAK KORUS DALAM TEATER ASIK

EBBY ENDRIANA ELLYN BINTI JUMARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN KES PERANAN DAN GERAK KORUS DALAM TEATER ASIK

EBBY ENDRIANA ELLYN BINTI JUMARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENULISAN ILMIAH YANG DIKEMUKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN KURSUS KAJIAN ILMIAH APC3053

JABATAN SENI PERSEMBAHAN
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN
FAKUTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 25/01/2023

i. Perakuan pelajar :

Saya Ebby Endriana Ellyn Binti Jumari D20191086770, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan dengan ini mengaku bahawa penulisan kajian ilmiah yang bertajuk Kajian Kes Peranan dan Gerak Korus dalam teater Asik adalah hasil karya saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta yang telah dilakukan secara atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya. Saya dengan ini turut mengakui bahawa hasil penulisan ini terikat dengan Peraturan Akademik, Jabatan Seni Persembahan, Fakulti Muzik Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ellynendriana

Tandatangan Pelajar

ii. Disemak oleh : _____

Tandatangan : _____

Nama Penyelia : Dr. Muhammad Faisal Bin Ahmad

Tarikh : 25/01/2023

iii. Disahkan oleh:

Tandatangan : _____

Nama Penyelaras : Dr.Fara Dayana Binti Mohd Jufry

Tarikh : _____





PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya, saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan penuh kesabaran dan dikurniakan kesihatan yang baik sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Selain itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah penyelia saya, Dr. Muhammad Faisal Bin Ahmad di atas kesabaran dan tunjuk ajar sepanjang proses melakukan kajian ilmiah ini. Tanpa dorongan beliau, saya tidak mungkin dapat menghasilkan kajian ilmiah ini. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah kursus Kajian Ilmiah, Dr. Fara Dayana Mohd Jufry yang telah mencurahkan ilmu dan sokongan kepada saya sepanjang semester ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya, Encik Jumari Bin Hashim dan Puan Sharifah Masni Binti Wan Mohamad yang selalu memberi kata-kata semangat dan menitipkan doa kepada saya supaya memperoleh kecemerlangan di dunia. Tidak dapat dilupakan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung mahupun tidak lanngsung dalam menjaya tesis saya ini.





ABSTRAK

Korus sering dianggap sebagai sokongan dalam sesebuah persembahan. Peranan korus kurang diberi penekanan dalam persembahan teater. Korus dalam teater *Asik* berperanan sebagai narator dan luahan emosi watak utama. Kajian ini akan memperlihatkan peranan dan kepentingan korus sebagai peneraju naratif. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti peranan korus, menghubungkaitkan gerak dan dialog yang dipersembahkan oleh korus serta menganalisis gerak fizikal korus dalam teater *Asik*. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan beberapa pendekatan seperti borang soal selidik, pemerhatian tontonan rakaman dan temu bual. Kajian ini berlandaskan kepada teori Meyerhold bagi mengkaji gerak-gerak korus melalui *potkaz*, *posil* dan *tochka*. Analisis kajian turut menyentuh beberapa aspek seperti hubungan gerak dan dialog serta formasi perlambangan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa peranan korus merupakan narator, hubungkait gerak dengan dialog serta analisis gerak fizikal korus ialah gerak tradisional, gerak haiwan dan formasi perlambangan. Kajian ini berupaya untuk memberi penekanan yang khusus kepada korus dalam bentuk teater eksperimental di masa yang akan datang.

Kata Kunci: Korus, Teater Ekperimental, Peranan Korus, Gerak dengan Dialog





ABSTRACT

The chorus is often considered as support in a performance. The role of the chorus is less emphasised in theatrical performances. The chorus in Asik theatre acts as the narrator and emotional expression of the main character. This study will highlight the role and importance of the chorus as the leader of the narrative. The aim of this study is to identify the role of the chorus, relate the movement and dialogue of the chorus and analyse the physical movement of the chorus in Asik Theatre. Different approaches such as questionnaires, observation, recordings and interviews are used in this qualitative study. The study draws on Meyerhold's theory to examine the movements of the choir through potkaz, posil and tochka. The analysis of the study also touches on various aspects such as the relationship between movement and dialogue and the formation of symbolism. This study seeks to give special emphasis to the chorus in the form of experimental theatre in the future.

Keywords: Chorus, Experimental Theatre, Role of Chorus, Movement and Dialogue





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix

SENARAI GAMBAR



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	5
1.3 Pemasalahan Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Kerangka Teori	9

BAB 2 TINJAUN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
----------------	----





2.2	Teater Eksperimental Melayu	17
2.3	Korus	19
2.4	Vsevelod Meyerhold (1874-1970)	20

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Responden Kajian	23
3.2	Instrumen Kajian	25

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	35
4.2	Peranan Korus dalam Teater <i>Asik</i>	36
4.3	Hubungan Gerak dengan Dialog	62
4.4	Gerak Fizikal Korus dalam Teater <i>Asik</i>	69



BAB 5 RUMUSAN KAJIAN

5.1	Peranan dan Gerak Korus dalam teater <i>Asik</i>	80
5.2	Cadangan dan Penambahbaikan	81

RUJUKAN **85**

LAMPIRAN **87**





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Kaedah Pengumpulan Data	26
4.1 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 1)	37
4.2 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 2)	39
4.3 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 3)	41
4.4 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 4)	43
4.5 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 5)	45
4.6 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 6)	47
4.7 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 7)	49
4.8 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 8)	50
4.9 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 9)	52
4.10 Pecahan Skrip Teater <i>Asik</i> Mengikut Dialog Bagi Watak Korus (Muka Surat 10)	54





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

viii

4.11 Hubungan Gerak dengan Dialog	64
4.12 Perkaitan Antara Gerak dengan Dialog	68



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ix

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Proses-Proses Kajian Penyelidikan	25
3.2 Protokol Temu Bual	26
3.3 Instrumen Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	27



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
1 Rangkap Pertama Nazam oleh seorang Korus	57
2 Korus Bertukar Posisi Apabila Memasuki Rangkap Kedua Nazam	57
3 Adegan Pergolakan Hati di antara Putera Harek Kah Dan Puteri	59
4 Adegan Bermulanya Konflik di antara Kedua Watak Utama	59
5 Adegan di mana Korus terbahagi Kepada Dua Pihak yang Menunjukkan Kedua Watak Utama Sedang Berada dalam Konflik	60
6 Adegan Korus sedang Bergerak Mengikut Dialog dan Menggambarkan Isi Hati Kedua Watak Utama	61
7 Salah Seorang Korus Sedang Bercerita Mengenai Kisah Perjalanan Sang Putera Kepada Korus-Korus Yang Lain	65
8 Korus-Korus Lain Yang Sedang Berinteraksi Dengan Pencerita Korus Tersebut	66
9 Korus Bergerak Secara Seragam Mengikut Dialog Putera Harek Kah	67
10 Gerak-gerak Mak Yong yang Dipamerkan oleh Korus	71
11 Korus Sedang Melakukan Gerak Mak Yong	71





12	Adegan konflik antara Putera Harek Kah dan Puteri	72
13	Korus-korus dan Watak Utama Melakukan Gerak Silat Ketika Konflik	73
14	Adegan Putera yang Sedang Berdialog sambil Korus Melakukan Gerak Silat secara Improvisasi	74
15	Korus Bergilir-gilir Melakukan Gerak Silat Secara Improvisasi	74
16	Formasi Korus Menunjukkan Sekumpulan Kuda Sedang Berkumpul	76
17	Korus-Korus Yang Sedang Berlari Seakan-Akan Kuda	76
18	Formasi Korus yang Melambangkan Arah Tuju	77
19	Formasi Korus yang Melambangkan Kapal Berlayar	78





SENARAI LAMPIRAN

- | | | |
|---|---------------------------------------|----|
| A | Skrip Asik | A1 |
| B | Borang Soal Selidik | B2 |
| C | Transkripsi Temu Bual | B3 |
| D | Gambar Persembahan Teater <i>Asik</i> | B4 |





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Penggunaan korus dalam sesebuah persembahan telah wujud sejak zaman Yunani lagi. Menurut Hanna M. Roisman (2014), korus merupakan salah satu aspek yang menonjol di dalam drama Yunani dan merupakan ciri yang melambangkan masyarakat Yunani Kuno. Di Athens, drama Yunani telah dihasilkan di mana sekumpulan penyanyi ataupun tarian dan lebih dikenali sebagai korus ini dapat ditemui di bandar-bandar Yunani purba yang lain. Tiada had jantina dan bilangan bagi korus. Sebagai contoh, korus boleh terdiri daripada lelaki, remaja lelaki mahupun perempuan dalam bilangan yang berbeza-beza mengikut keperluan. Korus juga boleh menari di ruang yang telah ditetapkan ataupun dikenali sebagai orkestra pada zaman teater Yunani Klasik.





Pada zaman Yunani Klasik, korus adalah bahagian terpenting dalam drama bagi mendedikasikan persembahan kepada tuhan ‘*Dionysus*’ (Tuhan Wain dan Kesuburan) dan mempersesembahkan ‘*Dithyrambs*’ (sebuah lagu ataupun puisi kerohanian kepada Tuhan Wain dan Kesuburan). Bentuk persembahan ini wujud dalam zaman kuno, bersama dengan jenis korus yang lain, dan berterusan sepanjang zaman klasik. Korus memainkan peranan yang luar biasa di Athens kerana atas demokrasi sebelum 500 SM, ia dikaitkan dengan sepuluh suku yang inovatif dan didominasi oleh puak bangsawan berdasarkan wilayah. Perayaan tahunan ‘*Dionysus*’ pada musim bunga telah dipilih sebagai acara persembahan ‘*dithyramb*’ oleh korus besar dari kesemua sepuluh suku yang terdiri daripada 50 lelaki dewasa dan 50 lelaki remaja, dengan setiap suku menghantar 50 pemain. Jadi 1,000 orang rakyat Athens

menyanyi dalam ‘*dithyramb*’ dalam setiap perayaan, dan berdasarkan rujukan dalam sumber purba menunjukkan bahawa ‘*dithyramb*’ adalah sebuah korus dalam bentuk bulatan. Perayaan ‘*Dionysus*’ terkenal dengan tarian gembira dalam penyembahannya, tetapi sejauh mana bentuk tarian ‘*dithyramb*’ itu tidak diketahui. Setiap ‘*dithyramb*’ akan menjadi sebuah komposer sekurang-kurangnya ketika era klasik dan demokrasi. Komposer terbaik akan dapat memastikan kemenangan dalam pertandingan, dan rakyat Athens yang kaya telah dipilih untuk membayar perbelanjaan latihan dan melengkapkan korus. Sekiranya memerlukan pakar dalam suara dan pergerakan, rakyat kaya Athens akan menyediakan jika paduan suara ingin berjaya. Oleh itu, pertandingan dikendalikan secara demokrasi dan ‘*dithyramb*’ sambil dinyanyikan dan ditarikan oleh sukarelawan dari suku kaum itu telah menimbulkan sejenis profesionalisme, yang akan merangkumi perhatian kepada pakaian dan





kalungan bunga untuk penyanyi. Perayaan musim bunga ‘*Dionysus*’ dikenali sebagai ‘*City Dionysia*’ dan ia juga telah menjadi tuan rumah kepada satu lagi bentuk korus yang baharu, iaitu tragedi. Asal-usul tragedi ini tidak jelas, dan tradisi mengenai pengasasnya yang terkenal, Thespis, adalah mustahil untuk disahkan kesahihannya dan agak jarang ditemui. Drama tragis ataupun tragedi pada asalnya paduan suara yang tragis (Hanna M. Roisman, 2014).

Peranan korus dalam zaman Yunani mempunyai beberapa persamaan dengan peranan korus di dalam persembahan teater *Asik*. Korus di dalam sebuah persembahan teater bertindak sebagai ‘*narrator*’ ataupun ‘*story teller*’ ataupun pencerita yang membantu menjelaskan lagi jalan cerita sesebuah persembahan itu. Hal ini dikukuhkan lagi apabila menurut Wilson.E & Alvin.G (2016) ,

“Clearly, the chorus was a key element of Greek Drama” (ms. 237). Perkara ini menjelaskan kepentingan korus di dalam sesebuah persembahan drama itu bahkan dari zaman Yunani lagi. Kebiasaan karakter yang dibawa oleh korus ialah seorang rakyat biasa dan mempunyai beberapa fungsi yang lain seperti:

1. Korus bertindak balas dengan bagaimana orang dalam kalangan penonton mungkin bertindak balas dan dengan itu menjadi pengganti penonton. Mereka merupakan kumpulan yang boleh dikenal pasti oleh ahli penonton.
2. Kedua, korus sering memberikan maklumat latar belakang yang diperlukan untuk pemahaman plot.
3. Ketiga, korus mewakili keseimbangan sederhana antara tingkah laku ekstrem watak utama.





4. Keempat, korus sering mengutarakan pemerhatian falsafah dan membuat kesimpulan tentang apa yang telah berlaku dalam drama itu. Sebagai penonton, adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa petikan koral dinyanyikan dan ditarikan, walaupun kita tidak tahu bagaimana bunyi muzik itu atau bagaimana pergerakan itu dikoreografikan (Wilson.E & Alvin.G, 2016).

Fungsi-fungsi tersebut hampir sama dengan fungsi korus di dalam teater *Asik*. Pada zaman Yunani, jantina korus boleh terdiri daripada lelaki dan perempuan tetapi pelakon korus itu mestilah terdiri daripada lelaki sahaja (Wilson.E & Alvin.G, 2016). Namun korus sudah berubah mengikut peredaran zaman di mana korus sekarang boleh dilakukan oleh lelaki maupun perempuan.



Teater Eksperimental Melayu merupakan genre yang diangkat dalam naskhah ini. Menurut Fazilah Husun (2007), teater aliran eksperimental telah berkembang di Malaysia sejak tahun 1970-an, bermula dengan pementasan, *Bukan Lalang Ditiup Angin* oleh Noordin Hassan pada tahun 1970 di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak. Rentetan daripada pementasan itu, penonton telah dihidangkan dengan beberapa produksi lagi yang juga membawakan pementasan yang bersifat anti realistik. Beberapa nama dramatis yang sangat sinonim dengan perkembangan ini termasuklah Hatta Azad Khan, Johan Jaaffar, Dinsman, Abdul Aziz H.M, Khalid Salleh, Mana Sikana, dan Syed Alwi. Nama-nama itu dan hasil karya mereka telah meletakkan 1970-an sebagai suatu zaman kegemilangan bagi teater eksperimental Melayu (TEM) di Malaysia. Kemunculan teater dengan konsep yang baru itu, telah mencetuskan





polemik di kalangan pengkritik sastera tanah air yang menganggap bentuk sedemikian terlalu kebaratan dan bertentangan dengan adat budaya masyarakat Melayu. Kemurungan sambutan teater pada akhir tahun 1970-an dan 1980-an telah dikaitkan dengan kecenderungan penggiat teater pada ketika itu, mementaskan persembahan yang sukar untuk difahami oleh penonton. Bentuk baru ini membawakan protes yang disampaikan dalam bahasa berlapis atau menggunakan gerak, objek, simbol, imej, dan teknik teaterikal sebagai perantara. Bentuk tersebut berbeza dengan konsep persembahan drama realisme dan bangsawan yang memaparkan sesuatu yang langsung dan mudah untuk dihayati oleh penonton.

1.2 Latar Belakang



Peran Production merupakan sebuah produksi yang ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan ‘*Final Year Project*’ oleh sekumpulan pelajar Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan Teater pada tahun 2022. Tarikh penubuhan produksi ini ialah pada 5 Mac 2021 di mana bersamaan dengan hari kemenangan oleh Kota Seni Shah Alam. Produksi ini telah mendapat tempat ketiga dan judul naskhah skrip yang dibawa ialah Naskhah Longkang karya Peran Production di bawah arahan Musza Shah. Terdapat beberapa objektif penubuhan Peran Production ini:

1. Menyemai kesenian dan kebudayaan setempat bagi memelihara kesenian tersebut daripada terus dimamah zaman
2. Menjadi di antara penggerak teater Indie di sekitar Nusantara





3. Mengekspresiasi penggunaan alam semula jadi (Environmental Theater) sebagai wadah produk pementasan (Peran Production, 2022).

Teater *Asik* merupakan sebuah naskhah teater Champa yang telah diterjemah kepada Bahasa Melayu. Persembahan teater *Asik* merupakan persembahan eksperimental Melayu yang mempunyai banyak gabungan elemen tradisional Melayu seperti Silat dan Makyong. Teater *Asik* ini berkisarkan tentang kerajaan Champa sedang dalam perang lalu seorang Puteri dari Kelantan datang menghulurkan bantuan kepada rakyat-rakyat kerajaan Champa yang sedang dalam sengsara. Puteri itu membuat tawaran kepada Putera Harek Kah untuk berkahwin dengannya dan memeluk Islam. Namun, sang Putera menolak tawaran dan lamaran Tuan Puteri kerana Putera Harek Kah memilih agama rakyat dan ibunya iaitu Buddha ketika itu. Pada akhir naskhah ini, Putera Harek Kah berkahwin dengan seorang perempuan daripada Vietnam. Watak Putera Harek Kah menunjukkan kelemahan seorang lelaki yang nafsunya senang untuk dipermainkan sehingga hilang pertimbangan untuk memilih kebenaran.

1.3 Permasalahan Kajian

Teater *Asik* telah dijalankan pada 30 Jun 2022 jam 8:30 malam bertempat di Panggung Budaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Permasalahan kajian dalam kajian ini:





1.3.1 Pendominasian karakter korus dalam teater *Asik*

Karakter korus lebih mendominasi di dalam teater *Asik* berbanding watak utama. Hal ini dikatakan demikian kerana, sepanjang persembahan berlangsung korus lebih menyerlah perwatakannya memandangkan peranan korus di dalam teater ini adalah untuk menyampaikan jalan cerita melalui pergerakan dan dialognya. Sekiranya dilihat dalam struktur persembahan teater konvensional, watak utama kebiasaannya mewakili seorang antagonis dan seorang protagonis. Namun, dalam teater *Asik* watak korus itu dilihat lebih mendominasi daripada aspek penguasaan adegan dan narratif berbanding watak utama. Secara tidak langsung, perkara ini

memberi kekeliruan terhadap fungsi dan peranan watak utama. Oleh itu, teater *Asik* ini tidak dapat berdiri dengan sendirinya tanpa korus kerana peranannya yang dominan.

1.3.2 Perspektif yang berbeza antara maksud gerak dan dialog dalam kalangan korus.

Koreografer menetapkan penampilan watak korus dan mempunyai pemahamannya yang tersendiri mengenai perlambangan gerak dan dialog. Namun, gerak fizikal setiap korus yang dimainkan mempunyai interpretasi yang berbeza dalam mengangkat mesej cerita di dalam persembahan teater *Asik*.





1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab beberapa persoalan kajian seperti yang berikut:

1.4.1 Apakah peranan korus dalam teater *Asik*?

1.4.2 Bagaimanakah korus menghubungkaitkan gerak dengan dialog dalam teater *Asik*?

1.4.3 Bagaimanakah gerak fizikal korus di dalam teater *Asik*?

1.5 Objektif Kajian



1.5.1 Mengenalpasti peranan korus dalam teater *Asik*

1.5.2 Menghubungkaitkan gerak dan dialog yang dipersembahkan oleh korus dalam teater *Asik*.

1.5.3 Menganalisis gerak fizikal korus dalam persembahan teater *Asik*.

1.6 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian dalam kajian ini:





1.6.1 Persembahan

Persembahan teater *Asik* ini telah berlangsung pada 30 Jun 2022 jam 8:45 malam bertempat di Panggung Budaya, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP), UPSI. Teater *Asik* ini adalah gabungan pelajar Ijazah Sarjana dengan pelajar semester akhir bagi Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan Teater. Pengkaji hanya menumpukan kajian watak korus di dalam persembahan teater *Asik* oleh Peran Production di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

1.6.2 Korus

Kajian ini hanya mengkaji korus sahaja iaitu seramai 8 orang korus. Sepanjang Teater *Asik*, korus mempamerkan beberapa gerak yang seiring dengan dialog yang dilontarkan. Aspek yang akan dikaji hanyalah perlambangan gerak bersama dialog.

1.6.3 Responden

Responden yang akan ditemui bual terdiri daripada korus-korus, pengarah dan penterjemah skrip bagi skrip *Asik* ataupun *Nai Mai Mang Makkah* yang bermaksud ‘Puteri yang tiba dari Kelantan’.

1.7 Kerangka Teori

Teori yang diguna pakai dalam keseluruhan kajian ini ialah teori Meyerhold. Menurut Jane Baldwin (1995), pelakon berlatih untuk mengembangkan ketangkasan, kekuatan, dan koordinasi di seluruh badan





mereka, serta rasa ensembel yang kuat. Dari segi praktikal, ini bermakna mereka memperoleh kudrat yang sama di kedua-dua belah kiri dan kanan mereka, menyesuaikan diri semasa berjalan dengan menggunakan tapak tangan mereka, dan semua pelakon (perempuan dan lelaki) belajar untuk menyokong berat pasangan menggunakan pelbagai bahagian badan mereka.

Irama dan keseimbangan memainkan peranan yang sangat penting. Meyerhold mengaitkan kedua-duanya secara tidak jelas: "Pelakon mesti mempunyai irama, mesti biasa dengan undang-undang keseimbangan. Pelakon yang tidak mengetahui undang-undang keseimbangan adalah kurang layak menjadi pelajar" (Jane Baldwin, 1995). Irama ialah unsur persembahan yang mencipta kedua-dua bentuk dan makna dalam Biomekanik Teater. Peranan pelakon adalah seperti seorang pemuzik dalam sebuah gubahan muzik. Bagi membantu perkembangan berirama pelakon, muzik sering disepadukan ke dalam pengelasan kerja seperti pelakon kadangkala perlu bekerja dengan irama, erti kata lain pelakon perlu lebih kerap menentang. Pelakon Biomekanikal yang mahir adalah pelakon yang boleh membuat persembahan sambil menggunakan irama yang berbeza di bahagian badan yang berlainan.

Setelah meneliti aktiviti, pergerakan, dan gerak isyarat yang realistik dengan teliti, Meyerhold menyimpulkan bahawa sebarang aktiviti sentiasa mengandungi bentuk dalam susunan tetap, komponen universal tertentu. Beliau mengasingkan komponen-komponen ini, membesar-besarkan mereka, dan memberi mereka hidup dalam bentuk teater dalam latihan dan etudes, atau komposisi pergerakan, yang beliau sendiri cipta. Dalam membangunkan





sistemnya, Meyerhold mencipta perbendaharaan kata pergerakan. Terminologi Biomekanik Teater menawarkan pelakon bahasa universal badan, berfungsi dengan cara yang sama seperti bahasa Itali untuk pemuzik atau Perancis untuk penari balet. Di bawah merupakan senarai perbendaharaan kata asas dan terjemahannya:

- Otkaz: (penolakan) gerakan balas, persediaan untuk tindakan yang juga memberi isyarat kepada pasangan bahawa pelakon bersedia untuk berinteraksi. Meyerhold percaya bahawa semua pergerakan mempunyai gerakan balas, tidak kira berapa minit, yang memulakannya.
- Pacil: (yang menghantar) kedua-dua komitmen dan melakukan tindakan itu.
- Tormos: (brek) sekatan yang mesti digunakan serentak dengan momentum ke hadapan pacil untuk mengekalkan kawalan.
- Tochka: (titik dalam ruang, titik di akhir ayat) atau Stoika: (pendirian) Kedua-dua istilah ini sering digunakan secara bergantian. Kedua-duanya merujuk kepada penyiapan tindakan pada titik tertentu dalam ruang dan masa.
- Powsa: (jeda) berhenti seketika, titik balas yang elegan untuk aktiviti fizikal. Walau bagaimanapun, badan, walaupun dalam kesunyian, tidak pernah berehat. Ia terus memancarkan tenaga dinamik kesediaan untuk tindakan seterusnya. Di institut Tufts, powsa digunakan terutamanya dalam études.





Turutan ini membezakan Biomekanik Teater daripada bentuk latihan pergerakan yang lain. Pecahan semua aktiviti kepada otkaz, pacil, tormos, dan tochka menyemai ketepatan, kesedaran ruang dan temporal, dan keseimbangan ke dalam kerja pelakon. Melalui pengulangan, pelakon menghayati "undang-undang gerakan," belajar untuk memulakan setiap pergerakan dengan lawannya, memberi komitmen sepenuhnya kepada tindakan, dan berhenti sepenuhnya (Jane Baldwin, 1995).

Kajian ini menggunakan teori Meyerhold dengan mengaitkan objektif bersama teori biomekanik teater. Hasil persembahan korus dalam teater *Asik* ini jelas menampakkan elemen-elemen otkaz, pacil, tormos, tochka dan powsa. Hal ini demikian kerana setiap gerak dan aksi yang dilakukan mempunyai kaitan dengan elemen-elemen ini bahkan dalam kehidupan sehari-hari kita.

Contoh yang boleh diketengahkan adalah proses membaling batu. Sewaktu tangan mula menyentuh batu dipanggil sebagai otkaz kerana persedian untuk melakukan aksi itu manakala aksi ketika membaling batu itu ialah pacil menjelaskan maksud menghantar. Setelah batu itu berhenti dan menjelak ke tanah, proses ini digelar sebagai tochka. Inilah analogi yang mudah bagi menjelaskan perkaitan antara gerak korus dengan teori biomekanik teater.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dibuat bagi memberi kepentingan kepada para pelakon, penonton yang telah menonton persembahan teater *Asik* ini dan pengakaji-pengkaji yang





ingin mengkaji dengan lebih lanjut mengenai korus dalam sesebuah persembahan.

1.8.1 Penggiat

Kajian ini sememangnya dibuat bagi mengkaji perwatakan, fungsi dan peranan korus itu sendiri. Penggiat-penggiat yang membawa watak korus boleh membuat sedikit kajian watak dan kajian latar belakang mengenai korus. Korus dalam kajian ini mestilah mempunyai perbezaan berbanding dengan korus-korus yang lain. Penggiat-penggiat dapat menghasilkan sebuah watak korus yang unik tetapi memenuhi segala kriteria seorang korus.



Secara tidak langsung, penggiat-penggiat boleh mengangkat korus sebagai watak utama di dalam persembahan berdasarkan kajian ini. Dengan ini, para penggiat yang hendak mengangkat watak korus mendapat gambaran awal bagaimana perwatakan dan gerak seorang korus tersebut. Impaknya, persembahan yang diahsilkan akan menjadi lebih bermutu dan bermanfaat kerana penggiat-penggiatnya yang giat mengkaji wataknya sebagai seoarang korus.

1.8.2 Industri Seni

Kajian ini dapat membantu aktivis-aktivis teater tentang peranan korus dalam sesebuah persembahan. Kajian ini membantu dalam memberi





pendedahan awal kepada aktivis-aktivis teater mengenai teater eksperimental. Selain dapat membantu, aktivis-aktivis akan lebih terinspirasi dalam menghasilkan karya-karya yang bermutu. Contohnya, mereka dapat mempelbagaikan lagi fungsi korus tersebut di dalam sesebuah persembahan

Justeru kajian ini turut memberi gambaran yang lebih jelas kepada para aktivis teater. Oleh itu, aktivis-aktivis teater akan mendapat pendedahan awal ataupun info lanjut yang lebih terperinci mengenai fungsi dan peranan korus. Industri seni akan lebih maju dan lebih kepelbagaian kerana aktivis-aktivis teater yang tidak putus-putus ilhamnya dalam menghasilkan karya-karya baharu.



1.8.3 Pelajar Seni Persembahan

Kajian ini secara tidak langsung dapat dijadikan bahan tambahan dalam sumber rujukan bagi pelajar seni persembahan. Para pelajar seni persembahan ini sering kekurangan sumber rujukan terutamanya dalam korus. Kajian ini juga membincangkan konsep teater eksperimental yang mengangkat korus sebagai tunjang utama terhadap cerita yang boleh menjadi sumber rujukan baharu kepada pelajar seni persembahan terutamanya teater. Pelajar akan memahami konsep teater tidak lain dan bukan iaitu teater eksperimental dengan korus dalam persembahan.





Impaknya kepada pelajar ialah pelajar sentiasa memerlukan persembahan teater yang pelbagai untuk mengembangkan pemikiran mereka terhadap teater. Pelajar dapat berfikiran di luar kotak mengenai teater eksperimental dan korus sekali gus dapat menghasilkan lebih banyak teater seperti teater *Asik* ini. Teater yang dihasilkan oleh mereka pula dapat dijadikan inspirasi kepada generasi-generasi yang akan datang.

1.8.4 Sumber Rujukan Tambahan

Setiap pelajar di universiti tidak kiralah mereka mengambil ijazah sarjana muda mahupun ijazah sarjana perlu menghasilkan satu tesis ataupun kajian yang berilmiah dalam tempoh mereka melanjutkan pelajaran tersebut. Kajian ini sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai sumber rujukan bagi pelajar untuk menyiapkan tesis mereka. Sumber rujukan ini bukan sekadar kepada para pelajar malahan kepada orang awam yang membaca mengenai kajian ini.

Sesetengah pihak menganggap sumber rujukan tesis itu banyak tetapi sebenarnya terhad mengikut isu yang mereka ingin kupaskan di dalam tesis mereka. Justeru, pengkaji memilih untuk mengkaji peranan, fungsi dan gerak aksi korus yang terdapat dalam teater *Asik*. Lebih-lebih lagi, teater ini berbentuk eksperimental dan pelajar boleh mengambil sumber kajian yang berilmiah daripada kajian ini.

